



SEMINAR

PERLAKSANAAN BAHASA MALAYSIA

**"MENILAI PERLAKSANAAN BAHASA
MALAYSIA SEBAGAI BAHASA
PENGANTAR DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI"**

4 & 5 Februari 1983

Di Universiti Sains Malaysia

ANJURAN:

Persatuan Bahasa Malaysia

Universiti Sains Malaysia

Dasar dan Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Tinjauan Umum

Abdullah Hassan
Profesor Pengajian Bahasa Malaysia
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

1. Pendahuluan

Judul kertas kerja ini meminta suatu tinjauan umum dibuat mengenai dua hal. Pertama Dasar Bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi. Kedua Pelaksanaan dasar tersebut, ini bermaksud apa yang telah diperlakukan untuk mencapai tujuan tersebut dan segala masalah yang timbul darinya.

2. Dasar

Dalam membincangkan Dasar Bahasa Malaysia ini, tidak terdapat satu pernyataan yang lengkap dalam mana-mana dokumen. Kita terpaksa mengumpulkan butir-butir tersebut daripada beberapa sumber: Perlembagaan Malaysia, Akta Bahasa Kebangsaan, Laporan Pelajaran, dan dokumen-dokumen Kerajaan seperti Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Keadaan ini sama sekali tidak boleh dianggap sebagai kelemahan, tetapi sebaliknya. Dengan memberi waktu dan dengan mengambil kira perkembangan yang relevan, maka para pemimpin telah dapat menyusun dasar yang semakin lama semakin jelas dan tegas. Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960) adalah jelas tetapi tidak tegas. Tetapi Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) dan Rancangan Malaysia Keempat adalah lebih jelas dan tegas.

2.1 Perlembagaan Malaysia

Dalam membicarakan Dasar Bahasa Kebangsaan dalam sistem pelajaran Malaysia, eloklah juga kita bermula dari peruntukan dalam Perlembagaan, sebelum kita melihat implikasinya dalam sistem pelajaran Malaysia keseluruhannya. Di sini diperturunkan Perenggan 152 dari Perlembagaan Malaysia (Edisi Jun 1970). Hanya klausa yang bersangkutan pelajaran saja dikutip.

152. (1) Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa:

- (a) tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar, apa-apa bahasa lain.

2.2 Akta Bahasa Kebangsaan

Selepas Perlembagaan Malaysia ini termaktub, ada beberapa akta tambahan yang diluluskan oleh Parlimen.

Akta Bahasa Kebangsaan (Tambahan No. 18) 1963, membuat tambahan dalam hal: maksud rasmi, terjemahan, perlanjutan penggunaan Bahasa Inggeris (termasuk dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen), teks sahih undang-undang (termasuk undang-undang tertulis sebelum 1,9,1967), bahasa mahkamah, tulisan Bahasa Kebangsaan, bentuk angka dan borang. Akta tambahan ini bertujuan untuk melengkapkan peruntukan dalam Perlembagaan.

Pada tahun 1967 diadakan satu lagi Akta Bahasa Kebangsaan (Tambahan No. 57), ada sembilan tambahan semuanya. Kebanyakannya melibatkan kebenaran yang diberi oleh Yang Dipertuan Agong untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam hal yang berhubungan dengan negara dan agensi asing, dan undang-undang. Ada satu yang melibatkan pelajaran iaitu: d) dalam kursus-kursus latihan atau peperiksaan apabila teks-teks yang sahih adalah dalam bahasa Inggeris atau kursus yang ditetapkan itu masih dalam bahasa Inggeris. Ini bermakna ada kursus yang dibenarkan diajar dalam bahasa Inggeris bergantung kepada keadaannya sendiri, iaitu kursus-kursus bahasa Inggeris, kosusasteraan Inggeris dan kebudayaan Inggeris, misalnya.

2.3 Laporan Razak dan Fohma Talib

Setelah melihat peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia, maka perlulah pula kita meninjau Dasar Pelajaran Kebangsaan. Ini dapat dikutip dari Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (1979). Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dapat dipungut dari Pendahuluan kepada Akta Pendidikan 1961, terbahagi kepada tiga tujuan penting. Salah satu darinya ialah mengenai Perlaksanaan Bahasa Kebangsaan, iaitu:

DAN BAHAWASANYA peruntukan selanjutnya adalah dikehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk, khususnya peruntukan bagi perkembangan yang progresif bagi suatu sistem pelajaran dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama.

Dalam meninjau dasar Bahasa Kebangsaan yang dibentuk ini perlulah kita melihatnya secara peringkat demi peringkat, dari sekolah rendah ke sekolah menengah dan seterusnya ke institusi pengajian tinggi.

Ini ialah kerana dasar yang dilaksanakan itu adalah perlanjutan dari dasar yang dilakukan di sekolah rendah dan menengah. Kukuh atau lemah, sempurna atau kurangnya keadaan perlaksanaan bahasa Malaysia itu berpunca dari sistem sekolah rendah dan menengahnya. Lagipun, institusi-institusi pengajian

tinggi itu adalah sebahagian daripada sistem pelajaran kita seluruhnya. Kita tidaklah boleh melihat hanya kepada apa yang berlaku di institusi pengajian tinggi dan membuat rumusan tertentu dengan tidak memperdulikan apa yang berlaku di peringkat rendah. Sememangnya, sesuatu yang berlaku di sekolah rendah dan menengah itu mempunyai kesan dan implikasi di peringkat pengajian tinggi.

Sebelum Persekutuan Tanah Melayu berkerajaan sendiri dan seterusnya mencapai kemerdekaan, kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pelajaran Persekutuan Tanah Melayu (yang kemudiannya menjadi Malaysia) masih rendah dibandingkan dengan bahasa Inggeris (juga bahasa Mandarin yang pada masa itu telah digunakan dalam pelajaran menengah dan tinggi). Walaupun sejarah bahasa Melayu memang dapat membuktikan bahawa ianya pernah mencapai zaman gemilang pada masa lampau, tetapi keadaannya telah lama terbiar. Sebenarnya bahasa Melayu itu memang terus dipergunakan sebagai bahasa akademik untuk mengungkapkan idea dan konsep Islam, tetapi pada tahun 1955, keadaannya masih terkebelakang berbanding dengan bahasa Inggeris.

Dasar ini perlulah dilihat di peringkat (i) Sekolah (Rendah dan Menengah), (ii) Maktab dan (iii) Universiti, untuk mendapat gambaran yang menyeluruh:

(i) Dasar Di Sekolah

Sebelum Merdeka, bahasa Melayu hanya digunakan di sekolah-sekolah rendah Melayu, di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, dan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka. Bahasa Melayu juga hanya diajarkan sebagai satu matapelajaran di beberapa buah Sekolah Menengah Kerajaan (Inggeris). Keadaan ini telah bertukar setelah Jawatankuasa Pelajaran 1955 ditubuhkan, dan Jawatankuasa ini menghasilkan Penyata Razak (1956). Penyata itu menyatakan hasrat untuk "... menubuhkan suatu peraturan pelajaran kebangsaan ...", dan tujuannya ialah:

"...menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar (utama), walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan diperbuat dengan beransur."

(Penyata Razak 1956: perenggan 12)

Untuk mencapai tujuan di atas, Penyata tersebut telah mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- i) "... bahasa Melayu mestilah dipelajarkan di dalam semua sekolah" dan "... dijadikan satu syarat pertolongan yang diberi oleh Kerajaan di dalam semua sekolah."
(Penyata Razak 1956: perenggan 18).
- ii) "... dijadikan satu pelajaran yang mustahak untuk mendapat Sijil Rendah (Lower Certificate) dan Sijil Pelajaran Kebangsaan (National Certificate of Education) ..."
(Penyata Razak 1956: perenggan 22(b)).
- iii) "Dalam Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan itu dicadangkan supaya bahasa Melayu dan Inggeris diwajibkan."

Setelah dilaksanakan selama lima tahun, sebuah Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1956 itu dilakukan. Lapornya dikenali sebagai Penyata Rahman Talib (1960). Penyata Rahman Talib menegaskan kembali syor menjadikan Bahasa Melayu sebagai matapelajaran wajib dalam kurikulum semua sekolah. Ini dapat dirumuskan dari:

"bahawa Bahasa Kebangsaan ini hendaklah diajar mulai dari Darjah I dalam semua sekolah rendah Cina, Tamil dan Inggeris (sama ada sekolah bantuan, bantuan separuh atau sekolah-sekolah yang bersendirian)." (Penyata Rahman Talib (1960: perenggan 71(a)).

Seterusnya jawatankuasa itu mengesyorkan:

"Pelajaran rendah dalam Bahasa Kebangsaan akan dimajukan dengan mengadakan pelajaran menerusi Bahasa Kebangsaan di sekolah yang dahulunya sekolah rendah Kerajaan, dengan syarat ada guru-guru yang sesuai, dan semua sekolah rendah bantuan akan diubah menjadi sekolah kebangsaan ataupun sekolah jenis kebangsaan ..."
(Penyata Rahman Talib 1960: perenggan 371(c)).

Ini bermakna bahawa batu asas yang kukuh untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan Malaysia telah difikirkan dan ditetapkan sejak Penyata Razak(1956) lagi.

(ii) Dasar di Maktab dan Kolej

Penyata Razak juga telah menyarankan supaya bahasa Melayu itu dijadikan satu matapelajaran penting dalam latihan perguruan. Ini telah dikukuhkan oleh Penyata Rahman Talib yang mengesyorkan supaya Menteri Pelajaran menjadikan kelulusan dalam bahasa Melayu sebagai syarat wajib untuk memasuki ke mana-mana skim latihan perguruan. Dengan itu bahasa Melayu telah digunakan sebagai satu matapelajaran wajib di maktab perguruan mulai tahun 1957. Pada tahun itu juga, bahasa Melayu

telah digunakan sebagai bahasa pengantar, dalam kursus-kursus peringkat awal. Mulai tahun 1973 bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar yang tunggal dalam latihan perguruan.

(iii) Dasar di Universiti

Dasar Bahasa Malaysia di universiti itu adalah lanjutan daripada dasar Bahasa Malaysia dalam Perlembagaan Malaysia dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dengan itu ia juga melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Di samping itu pelajar yang mengikuti pengajian di universiti diwajibkan mendapat sekurang-kurangnya kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, melainkan di Universiti Teknologi Malaysia yang memerlukan kelulusan sekurang-kurangnya taraf kepujian. Ini adalah untuk menjamin penggunaan Bahasa Malaysia itu dengan berkesan dalam kursus pengajian di universiti.

Secara kasarnya, penggunaan Bahasa Malaysia . . di institusi pengajian tinggi itu adalah merupakan lanjutan dari perlaksanaan yang telah berlatar di peringkat sekolah dan kolej. Apabila pelajar-pelajar yang sampai ke universiti itu telah menerima pelajarannya dalam Bahasa Malaysia, maka terpaksa institusi pengajian tinggi itu menyampaikan kursusnya dalam Bahasa Kebangsaan juga. Sekiranya tidak, maka segala-galanya akan menjadi sia-sia, sebab pelajar-pelajar tersebut akan hanya mampu menerima ilmu mereka dalam Bahasa Malaysia sahaja.

Dalam hal ini semua institusi pengajian tinggi di Malaysia telah berusaha untuk mencapai matlamat ini, walau bagaimanapun ada masalah yang dihadapinya. Ini akan dapat dilihat dalam perlaksanaannya yang akan dibincangkan kelak.

Sebenarnya pernyataan dasar bahasa dalam pengajian tinggi tidak ternyata dengan jelas dalam dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas tadi. Dokumen yang ada memberi sedikit penjelasan mengenai isu Bahasa Kebangsaan, bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain ialah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat.

2.4 Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat terdapat pernyataan yang jelas mengenai dasar dan perlaksanaan Bahasa Malaysia hari ini. Perenggan 1310 dalam Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 menyatakan bahawa "Bahasa Malaysia akan terus diperlakukan sebagai bahasa pengantar utama, dengan tujuan memperkukuhkan asas untuk perpaduan kebangsaan dan penyatuan

rakyat Malaysia, manakala penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang penting juga diperluaskan".

Dalam Rancangan Malaysia 1981-1985 Keempat pula terdapat pernyataan Dasar Bahasa Kebangsaan yang bukan saja lebih tegas, tetapi lebih semasa. Ada tiga perenggan yang menyatakan dasar negara mengenai Bahasa Kebangsaan, iaitu perenggan 969, 970 dan 998.

Perenggan 969 mengatakan; "Dasar dan program untuk pelajaran dan latihan akan terus dipergiatkan ke arah memupuk perpaduan negara dan meningkatkan penyertaan semua rakyat Malaysia dalam pembangunan negara. Dasar untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama akan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat pelajaran menengah di Semenanjung Malaysia dan Sabah pada tahun 1982, serta di Sarawak pada tahun 1990. Menjelang akhir-akhir tahun lapan puluhan dasar ini akan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat pelajaran tinggi. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua akan diberi tumpuan yang lebih.

Perenggan 970 pula mengatakan; "Perkembangan yang paling penting di bidang pelajaran dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu ialah kemajuan ke arah mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan dengan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. ... Selaras dengan Akta Pelajaran 1961 sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di peringkat rendah yang menggunakan Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar telah dikekalkan.

Perenggan 998 pula telah membuat penggolongan. "Langkah-langkah bertujuan untuk mengukuhkan lagi pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua akan diteruskan. Untuk tujuan ini, usaha-usaha akan dibuat untuk memastikan lebih ramai guru dilatih dalam pengajaran Bahasa Inggeris. ... Kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru bahasa Inggeris akan juga diteruskan ..."

2.5 Dasar Negara terhadap Bahasa Inggeris dan Bahasa Asing

Pada peringkat ini memang kena pada tempatnya kita melihat pula kedudukan Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil dalam dasar bahasa negara Malaysia. Memang jelas dalam Perlembagaan Malaysia, Penyata Razak, Penyata Rahman Talib, Rancangan Malaysia Keempat, dan beberapa buah sumber lain yang dipetik dalam bahagian di atas menyatakan betapa pentingnya kedudukan dan peranan bahasa Inggeris dalam sistem pelajaran Malaysia.

Bahasa Inggeris akan terus diajar dan menjadi bahasa kedua yang penting.

Kedudukan bahasa-bahasa lain di samping Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris adalah terjamin menurut peruntukan dalam Perlembagaan dan juga Penyata Razak, Penyata Rahman Talib, dan Rancangan Malaysia Keempat. Bahasa Cina dan Tamil itu akan terus dipergunakan sebagai bahasa pengantar lebih-lebih lagi di sekolah rendah, dan sekolah menengah bagi bahasa Cina. Ini adalah merupakan sesuatu hal yang sudah wujud. Ia tidak boleh dikelirukan dengan ketiadaan sebuah universiti dalam bahasa lain dari Bahasa Kebangsaan. Langkah demikian bukan saja patut dilihat dari segi hak sesuatu kaum, tapi harus dilihat dari tujuan yang lebih penting seperti memadukan rakyat dan pertimbangan ekonomi. Faktor-faktor ini lebih besar dan mendesak dari pandangan negara dan bukan hanya semata-mata kepentingan kaum tertentu.

Walau bagaimanapun hak ini masih terjamin seperti yang dapat dilihat dalam perenggan 40, Akta Pelajaran 1961, iaitu "tidak menyekat penubuhan dan pengekalan mana-mana sekolah atau institusi pendidikan yang tidak menerima apa-apa bantuan kerajaan dengan syarat sekolah atau institusi yang demikian ini mematuhi Akta yang tersebut berserta dengan perintah dan peraturan yang dikeluarkan selaras dengannya". Menurut peraturan yang sedang berkuatkuasa sekarang, tidak ada sebarang syarat yang menghendaki sekolah atau institusi itu menggunakan mana-mana bahasa sebagai bahasa pengantar. (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Perenggan 82).

2.6 Falsafah di Belakang Dasar Bahasa Kebangsaan

Kita faham bahawa negara kita mempunyai berbagai kaum dan bahasa. Oleh yang demikian, kenapa negara kita membentuk dasar yang sedemikian rupa. Ada beberapa sebab yang mendesak memerlukan dasar yang demikian:

Justeru kerana negara kita mempunyai berbagai kaum yang menuturkan berbagai bahasa itulah menyebabkan perlunya satu Bahasa Kebangsaan sahaja. Soal bahasa mana yang harus dipilih adalah satu isu lain, tetapi dalam hal ini Bahasa Melayulah yang telah dipersetujui oleh parti pemerintah (yang terdiri dari UMNO, MCA dan MIC) sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai taraf berkerajaan sendiri. Lagipun Bahasa Melayu itu adalah bahasa bumiputera negara ini, mempunyai bilangan penutur yang teramai, dan bahasa yang dituturkan sebagai bahasa pengantar di kalangan rakyat Tanah Melayu waktu itu.

Dari segi politik antara bangsa pula, Tanah Melayu memerlukan identiti sendiri dan ini hanya dapat dilambangkan oleh bahasa yang dituturkan oleh rakyatnya. Sebuah negara yang baru merdeka seperti Persekutuan Tanah Melayu memerlukan identitinya sendiri. Di samping membentuk identiti baru ini, negara ini perlu membentuk perpaduan rakyat. Adalah menjadi harapan negara agar perpaduan dapat dilahirkan melalui satu bahasa ini.

Berhubungan dengan ini, lebih asas dari itu, ialah erti Bahasa Kebangsaan itu. Bahasa Kebangsaan itu akan menjadi bahasa pendidikan dan juga bahasa pentadbiran. Bahasa pendidikan itu besar ertinya, iaitu untuk membolehkan rakyat menerima pelajarannya dalam bahasa kebangsaannya. Tanpa dasar demikian, rakyat akan terpaksa mempelajari bahasa asing, seperti dalam zaman penjajahan, sebelum dapat menerima pelajaran. Sehubungan dengan ini, pentadbiran juga akan menggunakan bahasa kebangsaan, supaya dapat difahami oleh semua rakyat. Sewaktu dalam pemerintahan Inggeris, ada rakyat yang tidak pun dapat memahami borang yang perlu mereka isi. Oleh itu keadaan ini perlu diubah untuk membolehkan mereka memahami bahasa pemerintahan.

Untuk melaksanakan tujuan di atas ini, maka dasar di atas perlu disusun dan dilaksanakan. Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pelajaran kita adalah saluran yang paling wajar untuk melaksanakan dasar ini. Oleh yang demikian eloklah kita membincangkan dasar dan pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam sistem pelajaran kita.

3. Perlaksanaan Bahasa Malaysia dalam Sistem Pelajaran

Telah disebut dalam Dasar Bahasa Kebangsaan bahawa perlaksanaannya hendaklah beransur-ansur. Inilah yang berlaku. Tidak ada tindakan yang boleh dibuat dengan tergesa-gesa dalam hal seperti ini. Ini bukanlah satu kelemahan. Seperti juga dalam pembentukan dasar, di sinilah terletaknya satu kematangan pemikiran. Perlaksanaan yang beransur-ansur ini membolehkan kita melihat perkembangannya, masalahnya, kekuatannya dan kelemahannya dengan sempurna, dan memperakukan langkah-langkah untuk memperbaikinya. Pada saat ini, perlaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan kita berjalan lancar. Tidak ada sesuatu yang harus kita sangsikan baik dari segi akademiknya, politiknya, dan sosio-budayanya. Sebagaimana yang kita akan lihat nanti, ada banyak masalah yang belum selesai. Inilah satu kelebihan cara kita melaksanakan dasar ini dengan beransur-ansur, kita boleh melihat kelemahan atau masalah yang perlu diatasi.

Perlaksanaan beransur-ansur ini dapat kita lihat di peringkat sekolah, maktab dan universiti.

3.1 Perlaksanaan Bahasa Malaysia Di Sekolah

Kita melihat perlaksanaan Bahasa Malaysia di sekolah dari dua segi: sebagai satu matapelajaran dan sebagai bahasa pengantar.

(a) Bahasa Melayu sebagai Matapelajaran

Untuk melaksanakan Dasar Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Kementerian Pelajaran telah mewajibkan pengajaran Bahasa Kebangsaan di semua peringkat dan jenis

sekolah melalui Peraturan-Peraturan (Kursus-kursus Pengajian) Sekolah 1956. Seterusnya pada tahun 1957 Kementerian menjadikan kelulusan dalam matapelajaran ini sebagai syarat wajib untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam, khususnya, Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mulai tahun 1957 itu, dua jenis Sukatan Pelajaran telah digunakan iaitu (i) sukatan pelajaran Bahasa Melayu untuk Sekolah Kebangsaan, Menengah Kebangsaan, dan untuk pelajar Melayu di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang berpengantar bahasa Inggeris, Cina dan Tamil, dan seterusnya untuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang berpengantar bahasa Inggeris.

Satu sukatan pelajaran baru Bahasa Malaysia untuk Sekolah Rendah telah digunakan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris mulai tahun 1970, dan seterusnya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil pada tahun 1971. Ini bermakna, hanya ada satu Sukatan Pelajaran yang digunakan di sekolah rendah dan tidak dua seperti sebelumnya. Kursus Bahasa Malaysia pada peringkat sekolah rendah itu bertujuan supaya murid boleh menggunakan bahasa yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak berumur 12 tahun dalam perhubungan sehari-hari dan mempelajari matapelajaran yang terkandung di dalam kurikulum sekolah rendah.

Jadi dapatlah dilihat bahawa memang, dalam melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan itu telah diperhatikan juga kedudukan dan peranan Bahasa Kebangsaan dalam sekolah-sekolah yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

(b) Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar

Dasar penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tercatat dalam Penyata Razak (1956), dan dengan itu usaha untuk mencapai tujuan ini telah mula dijalankan beransur-ansur. Bahasa Melayu yang dahulunya digunakan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Melayu hingga ke darjah VI telah mula digunakan sebagai bahasa pengantar pada tahun 1958 di kelas menengah Melayu yang kemudiannya menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan. Di Semenanjung dan di Sabah, pertukaran bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris telah dijalankan secara berperingkat-peringkat dan dimulakan pada bulan Januari 1968 dengan menetapkan lima matapelajaran untuk diajarkan dalam Bahasa Melayu di darjah I-III. Matapelajaran itu adalah Latihan Jasmani, Ilmu Kesihatan, Seni Lukis dan Pertukangan Tangan, Pelajaran Tempatan, dan Muzik. Ini diikuti pula oleh pelajaran Tata Rakyat, Sejarah dan Geografi di darjah IV pada tahun 1969. Pada tahun 1970, semua matapelajaran di darjah I, melainkan Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda selain dari Bahasa Malaysia, diajarkan dalam Bahasa Malaysia (Surat Pekeliling Ikhtisas No. 8/1969).

Pada tahun 1975, semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Di Sarawak, rancangan pelaksanaannya seperti di atas dimulakan pada tahun 1977.

Bagi Sekolah Menengah pula, pada tahun 1973, semua matapelajaran sastera di Tingkatan I diajarkan dalam Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia diajarkan sebagai satu matapelajaran untuk mengukuhkan penguasaan Bahasa Malaysia murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang berpengantar bahasa Cina dan Tamil. Seterusnya pada tahun 1975, kelas peralihan Bahasa Malaysia telah dimulakan supaya pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ini dapat meneruskan pelajaran menengah melalui bahasa pengantar Bahasa Malaysia. Pada tahun 1976, semua Tingkatan I menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, dan semua matapelajaran sastera di Tingkatan IV diajarkan dalam Bahasa Malaysia. Mulai tahun 1980, semua sekolah menengah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Tingkatan I-IV, melainkan Tingkatan VI akan menggunakannya mulai tahun 1981. Berikut adalah tarikh-tarikh penting pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan.

- 1957 - Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya Certificate of Education) yang berpengantar Bahasa Inggeris diperkenalkan buat pertama kalinya dengan mewajibkan kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan.
- 1969 - Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dilaksanakan buat pertama kali.
- 1962 - i) Kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan telah diwajibkan di dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bagi aliran Inggeris.
- ii) Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan dengan menggunakan pengantar Bahasa Melayu dilaksanakan.
- 1967 - Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi jurusan sastera yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dijalankan.
- 1969 - i) Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi jurusan sains yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dilaksanakan.
ii) Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dijalankan.

- 1970 - i) Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge Seberang Laut telah dimansuhkan, dan digantikan dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Matapelajaran Bahasa Kebangsaan ditukar menjadi Bahasa Malaysia I dan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Malaysia II. Kelulusan dalam Bahasa Malaysia I diwajibkan untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Malaysia Certificate of Education.
- ii) Matapelajaran Bahasa Kebangsaan digantikan dengan matapelajaran Bahasa Malaysia bagi peringkat Sijil Rendah Pelajaran untuk semua pengantar.
- 1972 - Kertas Bahasa Malaysia I dimansuhkan. Kertas Bahasa Malaysia II ditukar nama menjadi kertas Bahasa Malaysia sahaja. Kelulusan dalam Bahasa Malaysia diwajibkan bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Malaysia Certificate of Education.
- 1978 - Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dijalankan hanya dengan perantaraan Bahasa Malaysia.
- 1982 - Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan akan dijalankan hanya dengan perantaraan Bahasa Malaysia.

Ada dua perkara yang harus diperhatikan. Pertama, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Sarawak terkebelakang lapan tahun. Kedua, pengajaran matapelajaran sains, juga terkebelakang dua tahun. Ini bermakna, pengajaran matapelajaran sastera terawal dua tahun. Jadual pelaksanaan ini dapat dilihat dalam jadual berikut.

RANCANGAN BUTIR MEBUKAR BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH

PENRENGKAS JENIS KERANGSAAN INGERIS

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing

→ KP diadakan dalam Bahasa Malaysia sahaja

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing

→ Tingkatan I dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia (Darjah I dalam tahun 1970)

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y VI B	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y VI B	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing
Y VI A	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y VI B	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing
Y VI A	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing

Universiti:
Tah I Kursus Sastera/Ekonomi Kursus Sains/Teknikal/Perubatan d.l.

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y VI B	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing
Y VI A	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing

Universiti:
Tah I Kursus Sastera/Ekonomi Kursus Sains/Teknikal/Perubatan d.l.
Tah II Kursus Sastera/Ekonomi Kursus Sains/Teknikal/Perubatan d.l.

KP	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y I	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y II	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y III	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y IV	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y V	BH	U	PJK	SLPT	TR	Alam	Turk	Hisab	Sains	MP	Ing
Y VI B	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing
Y VI A	Aliran Sastera	BH	Ing					Aliran Sains		BH	Ing

Universiti:
Tah I Kursus Sastera/Ekonomi Kursus Sains/Teknikal/Perubatan d.l.
Tah II Kursus Sastera/Ekonomi Kursus Sains/Teknikal/Perubatan d.l.
Tah III Kursus Sastera/Ekonomi Kursus Sains/Teknikal/Perubatan d.l.

Universiti:

1983	Tah I	Semua Kursus Dalam Universiti
------	-------	-------------------------------

- | | | | |
|--------------------------|---|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Matapelajaran yang diajar dalam Bahasa Malaysia | <input type="checkbox"/> | Matapelajaran yang diajar dalam Bahasa Inggeris |
| KP | - Kelas Peralihan | Alam | - Ilmu Alam |
| VI B | - VI Bawah | Turk | - Tawarikh |
| VI A | - VI Atas | Sains | - Ilmu Sains |
| BH | - Bahasa Malaysia | MP | - Matapelajaran Praktikal (Sani Perusahaan/Sains Pertanian/Sains Rumah Tangga/Pengajian Perdagangan) |
| U | - Agas Islam | MPO | - Matapelajaran Oportional |
| PJK | - Pelajaran Jasmani & Kesihatan | Ing | - Bahasa Inggeris |
| SLPT | - Seni Lukis & Pertukangan Tangan | Hisab | - Ilmu Hisab |
| TR | - Teta Rakyat | | |
| I | - Tingkatan | | |
| Tah | - Tahun | | |

(c) Masalah

Masalah untuk melaksanakan dasar di atas dapat dilihat dari segi guru, murid dan bukunya.

(1) Guru

Guru bukan penutur asli yang mengajar matapelajaran selain daripada Bahasa Malaysia dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar didapati mengalami masalah untuk menerangkan berbagai corak huraian, proses, konsep dan lain-lain. Sungguhpun mereka telah mengikuti kursus Bahasa Malaysia, kursus yang mereka ikuti itu adalah kursus kefasihan dan tidak mengandungi unsur penggunaan bahasa untuk tujuan atau bidang khusus.

Ada kalanya bahasa basahan dan dialek tempatan digunakan di bilik darjah.

(2) Murid

Adalah didapati bahawa peluang belajar bagi murid berbeza-beza mengikut latar belakang. Di kawasan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama, murid banyak terdedah kepada penggunaan bahasa basahan, bahasa perhubungan am, dan dialek tempatan; tetapi kurang terdedah kepada penggunaan Bahasa Malaysia yang lebih bersifat teknikal dan formal. Di kawasan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua, murid kurang terdedah kepada penggunaan Bahasa Malaysia di dalam konteks sebenar.

Peluang bagi murid untuk memperkukuhkan kemahiran Bahasa Malaysia melalui pembacaan luas amat kurang kerana kebanyakan sekolah tidak mempunyai kemudahan perpustakaan. Sekolah yang ada perpustakaan pula menghadapi masalah pengelolaan disebabkan oleh kekurangan tenaga pengelola yang terlatih, kesempitan ruang dan masa, terutamanya sekolah besar dan sekolah dua sidang sehari. Bahan bacaan yang sesuai dan di peringkat-peringkatkan juga tidak banyak.

(3) Buku

Buku teks dan buku rujukan serta buku bacaan tambahan memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pada umumnya, buku teks Bahasa Malaysia yang diedarkan adalah buku yang ditulis berdasarkan sukatan pelajaran yang berkuatkuasa mulai tahun 1970. Penerbitan buku teks yang baru hanya boleh dipinda mengikut sukatan pelajaran baru apabila berlaku pertukaran pada sukatan tersebut.

Selain daripada itu, terdapat kekurangan dan masalah pada buku rujukan seperti tatabahasa pegangan dan kamus, serta buku bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia.

Di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil pula, buku teks juga menimbulkan masalah, terutama masalah kekurangan buku teks yang sesuai mengikut peringkat pencapaian murid.

3.2 Pelaksanaan di Maktab

Dalam pelaksanaannya, Bahasa Melayu telah dijadikan matapelajaran wajib di dalam kursus perguruan sejak tahun 1957. Program untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di maktab perguruan telah dijalankan secara beransur-ansur mulai tahun yang sama. Pada peringkat awal, rancangan ini tidaklah selaras di antara sebuah maktab dengan maktab yang lain, iaitu bergantung kepada kemampuan pensyarah, komposisi pelajar, dan jurusan kursus yang dijalankan di maktab berkenaan.

Mulai tahun 1970, Bahasa Malaysia telah menjadi bahasa pengantar utama untuk kursus perguruan sekolah rendah dan mulai tahun 1973, semua maktab perguruan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di dalam hampir semua kursus.

Walaupun Bahasa Malaysia sudah digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar dalam semua matapelajaran yang diajarkan di semua maktab perguruan, namun masih terdapat beberapa kelemahan dalam tingkat pencapaian dan kemahiran Bahasa Malaysia di kalangan guru pelatih dan sebilangan besar pensyarah. Pada umumnya, penyalahgunaan bahasa masih terdapat, khususnya dalam ejaan, tatabahasa dan penggunaan istilah.

3.3 Pelaksanaan di Universiti

Di universiti tempatan, kedudukan penggunaan Bahasa Malaysia dapat dilihat dari aspek pengajaran dan aspek pentadbiran. Dalam bidang pengajaran, Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar untuk matapelajaran tertentu, dan juga diajarkan sebagai satu matapelajaran. Dalam bidang pentadbiran, pada umumnya, Bahasa Malaysia sudah digunakan sepenuhnya.

Pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di universiti telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Oleh yang demikian, menjelang tahun 1984, perlaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bagi semua matapelajaran sastera dan sains akan dapat dijalankan.

Di samping melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar ini, diadakan juga langkah-langkah lain untuk melengkapkan pelajar dan pensyarah dengan kemahiran. Pada umumnya, di universiti, terdapat satu badan yang dipanggil pusat, unit, atau jabatan bahasa yang, di antara lain, dipertanggungjawabkan khusus untuk mengendalikan pengajaran Bahasa Malaysia. Kumpulan yang diajar Bahasa Malaysia ini adalah terdiri daripada pelajar, kakitangan akademik dan kakitangan am. Pada umumnya, matlamat pengajaran Bahasa Malaysia itu ialah untuk membolehkan:

- i) pelajar mencapai kemahiran dalam Bahasa Malaysia;
- ii) pensyarah meningkatkan kebolehan berkuliah dalam Bahasa Malaysia;
- iii) pegawai tadbir dan kakitangan am meningkatkan kebolehan menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan pentadbiran.

Berikut diberi sedikit gambaran pelaksanaan Dasar Bahasa Malaysia di institusi-institusi pengajian tinggi pada masa ini. Kebanyakan dari pernyataan ini dikutip dari kertas-kertas kerja dalam seminar kebangsaan mengenai Status Dasar Bahasa Malaysia di Insitusi-institusi Pengajian Tinggi Malaysia, di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 28 dan 29 Jun 1980.

1. Universiti Kebangsaan Malaysia

Sebenarnya tidak banyak terdapat pernyataan dasar dan strategi pelaksanaan Bahasa Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam seminar di atas hanya terdapat dipaparkan sikap orang-orang terlibat terhadap menggunakan Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa pengantar. Akhirnya, 'penubuhan (Universiti Kebangsaan Malaysia) itu merupakan titik tolak bagi melaksanakan hasrat rakyat untuk mewujudkan suatu pusat pengajian tinggi yang bercorak kebangsaan dan mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang boleh digunakan di peringkat universiti.

Penulis kertas kerja dari Universiti Kebangsaan Malaysia itu terus mengatakan dalam 'Penutupnya', 'Dalam kertas yang ringkas ini saya telah cuba meninjau masalah serta kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya dalam bidang pengajian sains dan perubatan. Kita tidak ragu-ragu menyatakan bahawa dari kenyataan dan kejayaan yang sedia ada, kemampuan Bahasa Malaysia tidak lagi kita persoalkan sebagai bahasa pengantar untuk bidang ilmu sains dan perubatan. Walaupun kita masih akan menghadapi masalah kekurangan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia menjelang tahun 1983, masalah lain yang juga penting ialah masalah mempertingkatkan Bahasa Malaysia itu ke taraf yang lebih tinggi sebagai bahasa ilmiah, serta juga peningkatan kemampuan berbahasa yang lebih tinggi dan

baik di kalangan pelajar-pelajar dan juga tenaga pengajar.”

Di samping itu, menurut Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia 1981 (perenggan 269), “Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahasa Malaysia tidak diajarkan sebagai satu kursus. Walau bagaimanapun, kursus bimbingan jangka pendek ada ditawarkan dari semasa ke semasa untuk pelajar dan pensyarah yang memerlukannya.

2. Universiti Malaya (dikutip dari kertas kerja Dr. Zainal Kling)

Di Universiti Malaya persoalan dasar dan pelaksanaan dapat diteliti dari tiga segi:

1. Pengajaran bahasa sebagai suatu matapelajaran dalam tahun-tahun pengajian di fakulti-fakulti,
2. Penggunaan bahasa sebagai alat pengantar pelajaran dalam kursus-kursus akademis,
3. Penggunaan bahasa sebagai alat bantu terutama dalam tadbiran dan perhubungan.

Ketiga-tiga segi ini meliputi semua fakulti dan pusat pengajian yang terdapat di Universiti Malaya. Tiap-tiap fakulti atau pusat mempunyai dasar dan rangka pelaksanaan yang berbeza-beza. Namun pada umumnya universiti sudah menerima matlamat bahawa pasti akan berlaku penggunaan bahasa Malaysia pada semua peringkat dan dalam semua institusi pengajian. Matlamat ini akan dicapai dengan cara beransur-ansur sama ada dari segi pengajaran sebagai satu matapelajaran, penggunaan bagi tiap-tiap tahun pengajian mahupun pada jenis-jenis kursus yang ditawarkan. Oleh kerana itu corak penggunaan dan matlamat pengajaran serta kepentingannya berbeza dari fakulti ke fakulti. Kita akan hanya menumpukan perhatian kepada dua fakulti sahaja: sains dan undang-undang.

(a) Fakulti Sains

Fakulti Sains telah menerima dasar penggunaan bahasa Malaysia dari semua segi, pada semua peringkat dan dalam semua jabatan. Sekarang ini Fakulti Sains mempunyai seramai 1,800 orang pelajar dengan sistem pengajian selama 4 tahun untuk mendapat ijazah kepujian atau lulus yang dijalankan dalam 10 jabatan: Biokimia, Botani, Kimia, Geografi, Kajibumi, Matematik, Pengajian Pendidikan, Genetik dan Biologi Sel, Fizika dan Zoologi.

Di samping itu terdapat Pusat Asasi Sains yang khusus menjalankan paras pengajian pra-universiti dalam semua bidang sains dan sepenuhnya menggunakan Bahasa Malaysia.

Secara terperinci keadaan berikut sedang berjalan di Fakulti Sains:

i) Pengajaran Bahasa

Bahasa Malaysia menjadi 2 unit wajib bagi kelulusan dalam pengajian pada tahun-tahun kedua dan ketiga bagi semua jabatan. Dalam pada itu seorang mahasiswa boleh dilepaskan dari syarat ini jika mereka mempunyai kelulusan yang baik dalam bahasa di peringkat Malaysian Certificate of Education (MCE) ataupun datang dari aliran bahasa Malaysia. Bagi mereka ini, bahasa Inggeris diwajibkan supaya lulus.

ii) Penggunaan Sebagai Pengantar

Berasaskan kepada dasar perlaksanaan yang beransur-ansur maka setakat ini 100% dari pengajaran matapelajaran sains tahun I dan II adalah di dalam Bahasa Malaysia. Ini termasuklah kuliah, amali dan tutorial di semua jabatan. Terdapat peraturan yang berbeza di antara jabatan-jabatan bagi kursus-kursus tahun III dan peratusan yang sewajarnya masih kurang bagi tahun IV. Dengan lain-lain perkataan suatu kemajuan yang amat pesat dalam penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang sains sedang berlaku dan dijangka menjelang tahun 1983, peratusan 100% akan dapat dicapai.

Namun demikian, kelonggaran akan diamalkan apabila terdapat pensyarah asing dengan kontrak jangka pendek. Mereka dibenarkan memberi kuliah di dalam bahasa Inggeris tertakluk kepada dasar mengenai peperiksaan (lihat bawah). Dalam jangka yang panjang keadaan ini dapat diselaraskan seperti biasa apabila kakitangan akademis tempatan dapat dilatih untuk menggantikan pensyarah asing itu. Hanya sebuah jabatan yang berkaitan dengan Fakulti Sains yang memberi kuliah sepenuhnya dalam bahasa Malaysia, yakni jabatan Geografi yang juga menjadi bahagian Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

)

Dasar Bahasa Mengenai Peperiksaan

Berkait rapat dengan pengajaran dalam Bahasa Malaysia ialah corak peperiksaan yang dijalankan. Beberapa dasar telah dikenakan mengenai hal ini. Pada asasnya setiap kursus yang diberi dalam bahasa Malaysia mestilah mempunyai soalan dan jawapan dalam bahasa Malaysia juga. Demikian juga kuliah dalam bahasa Inggeris. Kursus dalam bahasa Inggeris boleh dijawab dalam bahasa Malaysia. Semua kursus di Fakulti Pendidikan bagi Ijazah Sains dengan Pendidikan wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

iii) Penggunaan Dalam Tadbiran

Sekarang ini bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya dalam tadbiran sama ada dari segi perhubungan surat-menyurat, catitan minit mesyuarat mahupun kertas-kertas fakulti mengenai sesuatu perkara.

(b) Fakulti Undang-Undang

Fakulti ini adalah bersifat unitary dengan erti ia tidak mempunyai jabatan-jabatan tertentu. Bilangan mahasiswa adalah seramai kira-kira 300 orang dan sistem pengajian ialah selama 4 tahun sehingga tingkat kepujian atau gagal. Dari sejak penubuhannya pada tahun 1973 tekanan telah diberikan kepada penggunaan bahasa Malaysia sama ada sebagai matapelajaran mahupun sebagai bahasa pengantar. Dalam pada itu bahasa Inggeris dikekalkan sebagai bahasa terpenting untuk mengikuti pengajian undang-undang. Justeru itu suatu dasar dan amalan yang amat realistik telah berlaku dalam Fakulti Undang-Undang.

- i) Pengajaran bahasa sebagai satu matapelajaran menjadi syarat kelulusan bagi tiga tahun pengajian: I, II dan III. Setiap mahasiswa mesti lulus syarat bahasa ini sebelum dibenarkan naik ke tahun yang lebih tinggi.
- ii) Bahasa pengantar Melayu telah digunakan dalam semua kursus kecuali kursus-kursus yang dikendalikan oleh pensyarah dari negara luar. Untuk memenuhi matlamat mengekal dan menjaga keperluan bahasa Inggeris yang masih menjadi bahasa utama dalam mahkamah maka tutorial telah dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Dengan demikian setiap mahasiswa dapat mencapai kemahiran dan kecekapan di dalam kedua-dua bahasa.
- iii) Penggunaan bahasa dalam pentadbiran adalah sama bagi seluruh universiti di mana bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya.

Secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa bahasa Malaysia telah, sedang dan akan dilaksanakan di dalam bidang-bidang sains dan juga undang-undang.

3. Universiti Pertanian Malaysia (dikutip dari kertas kerja Profesor Mohd. Nayan Ariffin)

"Universiti Pertanian Malaysia mengambil perhatian berat di atas pelaksanaan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Laporan tahunan dikemukakan kepada Senat dan Majlis Universiti mengenai kemajuan pelaksanaan dasar ini di tiap-tiap Fakulti/Pusat. Pada penghujung sesi 1977/78, lebih kurang 80% daripada pengajaran di peringkat Diploma telah dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia. Universiti ini sedang berusaha untuk menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya sebelum tahun 1983.

Perlaksanaan dasar ini di peringkat Ijazah, walau bagaimanapun, belum dapat menyamai kemajuan yang dicapai di peringkat Diploma. Ini tidak menghairankan kerana masalah-masalah dasar memang wujud dan belum dapat diatasi. Masalah ini meliputi, antara lainnya: (1) Kecekapan Bahasa Malaysia di kalangan pensyarah; (2) Kecekapan Bahasa Malaysia di kalangan mahasiswa; (3) Kekurangan buku teks dan bahan rujukan dalam Bahasa Malaysia; dan (4) Istilah."

Di samping perkara di atas, berikut juga dijalankan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Bahasa Malaysia diajarkan sebagai satu kursus wajib dan dijadikan syarat untuk penganugerahan ijazah dan diploma. Kursus ini meliputi aspek kefasihan dan peristilahan.

4. Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia telah menjalankan langkah-langkah penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar secara berperingkat-peringkat. Pada hari ini keadaannya adalah seperti berikut.

Penggunaan Bahasa Malaysia dalam Kuliah dan Peperiksaan

Pusat Pengajian	Tahun 1 %	Tahun 2 %	Tahun 3 %	Tahun 4 %	Tahun 5 %
Ilmu Kemanusiaan	100	100	100	100	-
Sains Kemasyarakatan	100	100	100	100	-
Ilmu Pendidikan	100	100	100	100	-
Sains Farmasi	100	100	100	80	-
Sains Fizik	100	100	75	75	-
Sains Gunaan	100	100	80	60	-
Sains Kajihayat	100	100	80	60	-
Sains Kimia	100	100	80	60	-
Sains Matematik	100	100	80	60	-
Perumahan, Bangunan & Perancangan	100	100	100	100	-
Sains Perubatan	60	40	20	-	-

Di Universiti Sains Malaysia, Bahasa Malaysia juga diajarkan meliputi aspek kefasihan dan peristilahan. Kursus yang ditawarkan adalah wajib untuk semua pelajar dan kelulusan bagi tiap-tiap peringkat adalah wajib untuk penganugerahan ijazah.

Di samping langkah-langkah di atas, Universiti Sains Malaysia juga menjalankan strategi berikut. Sebuah Unit Perkhidmatan Istilah dibentuk sejak 1972 lagi bagi membantu pelajar dan pensyarah dalam mencipta dan menggunakan istilah yang selaras.

Sebuah Jawatankuasa Penerbitan pula dibentuk untuk menerbitkan karya asal dan terjemahan buku-buku teks untuk pengajian tinggi. Setakat ini hasilnya adalah seperti berikut:

1. Telah terbit 30 tajuk;
2. Dalam percetakan 6 tajuk;
3. Sedang disunting 9 tajuk;
4. Sedang disediakan 61 tajuk.

Jumlah 106 tajuk

Satu strategi yang baru hendak dimulakan di Universiti Sains Malaysia ialah menerbitkan edisi awal untuk teks kursus asas. Ini dilakukan untuk membanyakkan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia bagi pengajian tinggi.

Di samping langkah-langkah ini, Universiti Sains Malaysia juga mewajibkan pensyarahnya berkursus dalam Bahasa Malaysia, tidak kira yang menuturkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kandung atau tidak. Mereka dilatih menggunakan bahasa yang betul dari segi tatabahasa, istilah yang selaras, dan berkuliah dengan baik. Kelulusan pada peringkat maju menjadi syarat mutlak untuk pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat.

5. Universiti Teknologi Malaysia (dipetik dari kertas kerja Dato^r Abdul Aziz Din

"Perlaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Universiti Teknologi Malaysia ini telahpun berjalan lebih kurang 8 tahun iaitu semenjak universiti ini dinaikkan taraf daripada Maktab Teknik menjadi Institut Teknologi Kebangsaan (I.T.K.) dalam tahun 1972. Kemajuan terus berkembang dari tahun ke tahun sehinggalah kepada keadaan yang ada sekarang. Memanglah diakui bahawa dalam satu proses peralihan daripada penggunaan Bahasa Inggeris yang kita warisi dari zaman kolonial ke Bahasa Malaysia memanglah menghadapi berbagai cabaran dan masalah. Ada masalah-masalah yang dapat diatasi dengan segera, ada pula yang memerlukan masa dan ada juga oleh kerana sesuatu sebab maka terpaksa kita kekalkan begitu sahaja. Sungguhpun pada masa ini Universiti Teknologi Malaysia ada menjalankan berbagai kursus iaitu berjumlah 11 jenis semuanya, tetapi kertas kerja ini menumpukan perbincangannya hanya kepada Kejuruteraan dan Senibina. Pecahan kedua-dua bidang ini kepada bahagian-bahagian pengkhususan adalah seperti berikut:-

1. Kursus Kejuruteraan Awam
2. Kursus Kejuruteraan Elektrik
3. Kursus Kejuruteraan Jentera
4. Kursus Kejuruteraan Petroleum
5. Kursus Senibina Kejuruteraan

"Suatu masalah besar yang dihadapi oleh universiti ini ialah untuk mengadakan tenaga pengajar yang terlatih, dan jumlah bilangan yang cukup serta mempunyai kebolehan mengajar bukan sahaja dalam Bahasa Malaysia, tetapi juga dalam Bahasa Inggeris. Bagi pensyarah-pensyarah Bumiputera dan juga pensyarah-pensyarah tempatan yang bukan Bumiputera serta pensyarah dari Indonesia tidaklah terlalu sukar untuk melatih mereka bagi penyampaian kuliah dalam Bahasa Malaysia. Tetapi

bagi pensyarah-pensyarah dari luar negeri yang sekarang ini bertugas di Universiti Teknologi Malaysia seperti yang datang dari negara Jepun, Australia, Pakistan, Bangladesh, United Kingdom dan Amerika Syarikat telah menimbulkan masalah rumit dalam perkara tersebut.

Sehingga kini Universiti Teknologi Malaysia tidak mengadakan apa-apa rancangan supaya boleh menyampaikan kuliah dalam Bahasa Malaysia. Masing-masing telah mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari Bahasa Malaysia. Pihak Universiti Teknologi Malaysia tidak pula mengadakan sebarang peraturan atau dasar yang memaksa mereka ini mengambil kursus Bahasa Malaysia dan lulus peperiksaan tertentu untuk melayakkan diri berkhidmat di universiti ini secara sementara ataupun tetap. Hal ini telah menimbulkan suatu keadaan di mana setengah daripada kursus-kursus tersebut masih dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun hampir semua kursus-kursus dari tahun I hingga tahun IV menggunakan Bahasa Malaysia. Setengah daripada matapelajaran-matapelajaran dalam kursus-kursus bagi tahun V dan VI masih dikendalikan dalam Bahasa Inggeris.

Selain daripada sebab-sebab yang dinyatakan itu iaitu mengapa universiti ini masih mengekalkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam beberapa matapelajaran, ada pula sebab-sebab yang lain. Antaranya ialah:-

- i) masalah mendapatkan tenaga pengajar tempatan untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran tersebut. Universiti terpaksa mengambil pensyarah dari luar negeri.
- ii) sukar untuk mendapatkan pensyarah dalam bidang-bidang tersebut. Kepakaran dalam bidang-bidang tersebut hanya boleh didapati dari jabatan-jabatan kerajaan atau badan-badan swasta yang masih menggunakan Bahasa Inggeris. Pihak universiti ini terpaksa mengambil pakar-pakar tersebut sebagai pensyarah sambilan, dan kebanyakan mereka menyampaikan kuliah dalam Bahasa Inggeris.
- iii) Dengan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam beberapa matapelajaran itu adalah diharapkan akan dapat memahirkan lagi pelajar-pelajar universiti ini dalam penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Dengan ini dapatlah membantu mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

6. Institut Teknologi Mara (Dikutip dari kertas kerja karya Haji Mohd. Tahir bin Haji Abdul Majid)

"Status bahasa di Institut Teknologi Mara sekarang dapat ditinjau dari beberapa segi, antaranya dalam bidang pentadbiran, pengajaran dan bahan bacaan.

Bahasa untuk pentadbiran

Dari segi pentadbiran bahasa Malaysia telah digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pentadbiran, ini adalah sesuai dengan dasar bahasa kerajaan. Segala urusan pentadbiran adalah menggunakan bahasa Malaysia.

Walau bagaimanapun terdapat kecenderungan menggunakan bahasa Inggeris dalam hubungan dengan badan-badan antarabangsa dan badan-badan luar negeri.

Bahasa untuk pengajaran

Dari segi pengajaran terdapat dua jenis dijalankan. Pertama bahasa Malaysia sebagai bahasa satu matapelajaran. Kedua bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Kedua jenis pengajaran ini adalah berbeza dari segi matlamatnya. Matlamat utama, bagi jenis pertama ialah untuk mempertingkatkan tingkat penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar dan kakitangan. Sedangkan matlamat kedua adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak dasar bahasa Pusat-pusat Pengajian Tinggi akan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya.

Kedua-dua bentuk pengajaran dan matlamat itu mempunyai kaitan rapat dalam status dasar di Institut Teknologi Mara. Dalam usaha menyampaikan Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran di Institut ini adalah dikendalikan oleh Pusat Bahasa. Terdapat beberapa kursus di Institut ini yang memerlukan penekanan penguasaan kecekapan bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia juga ditekankan kepada pensyarah-pensyarah yang memerlukan penguasaan bahasa Malaysia. Dalam hal ini Institut telahpun mengorak langkah mengadakan kursus-kursus Bahasa Malaysia bagi kakitangan akademik dalam peringkat permulaan, pertengahan dan kemahiran. Pensyarah-pensyarah yang berjaya dalam peringkat kemahiran akan berkemampuan dan mempunyai kemahiran bahasa untuk menjalankan kuliah dan seminar serta tutorial dalam Bahasa Malaysia.

Bagi kakitangan bukan akademik telah diberi kursus-kursus khas Bahasa Malaysia dari masa ke semasa sesuai dengan pembinaan dan perkembangan Bahasa Malaysia.

Di Institut Teknologi Mara juga telah memulakan kursus-kursus Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Walaupun jangkamasa 1983 masih belum sampai lagi tetapi Institut telah melangkah melaksanakan beberapa kursus yang dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. Kursus Sains Kesetiausahaan melahirkan graduannya yang pertama pada tahun 1969 dan Kursus Diploma Pentadbiran Awam pada tahun 1977 yang lalu.

Memandangkan dasar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengajar adalah merupakan dasar negara, maka mulai dari sekarang Institut ini telah mula melaksanakan dan merancang kursus-kursus sebagai memenuhi kehendak pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Mulai tahun 1979 telah terdapat beberapa Kajian seperti Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, Kajian Sains Hisab dan Komputer, Kajian Pentadbiran dan Undang-undang dan Kajian Senilukis dan Senireka menjalankan kursus-kursus dalam Bahasa Malaysia di peringkat beberapa matapelajaran.

RANCANGAN PERALIHAN BAHASA PENGANTAR

Dalam usaha untuk memenuhi matlamat negara mengenai pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, demi untuk menjaga kepentingan Bumiputera maka Institut ini menggariskan peralihan bahasa pengantar melalui seperti berikut:-

Peralihan secara menyeluruh

Peralihan ini dibuat berdasarkan kemasukan pelajar melalui kelulusan SPM mulai tahun 1981 dan berdasarkan kelulusan STP mulai tahun 1983. Semua kursus dalaman yang berdasarkan kelulusan tersebut akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia. Maka adalah dijangka beberapa matapelajaran yang disampaikan oleh pensyarah 'expatriat' akan diteruskan dalam Bahasa Inggeris. Peralihan akan dibuat sebaik sahaja pensyarah tempatan dan berkebolehan dalam Bahasa Malaysia didapati untuk menggantikannya.

Tiada Peralihan

Bagi Kursus-kursus Luaran akan terus disampaikan dalam Bahasa Inggeris. Kursus-kursus Luaran yang dijalankan ialah:

Institute of Cost Management Accountants (ICMA)
Associated of Certified Accountant (UK) (ACA)
Malaysia Association of Certified Public
Accountant (MACPA)
Institute of Chartered Secretaries and Administrators
(UK) (ICSA)
Institute of Marketing (IM)
Chartered Institute of Transport (CIT)
Chartered Insurance Institute (CII)
Bachelor of Business Administration (BBA)

Bagi menjayakan kursus-kursus di atas pelajar-pelajar mestilah berkemampuan yang baik dalam Bahasa Inggeris. Bagi pelajar-pelajar dari aliran Melayu mereka diberi latihan terlebih dahulu mengikuti kursus Bahasa Inggeris secara intensif selama 6 - 12 bulan sebelum disalurkan mengikuti kursus-kursus tersebut.

Walaupun usaha-usaha penukaran bahasa pengantar dilakukan atau akan dilakukan seperti 5.1 di atas namun bahasa Inggeris adalah dianggap penting dalam sistem pendidikan di Institut Teknologi Mara. Setiap pelajar di Institut ini adalah dikehendaki memepelajari dan menguasai Bahasa Inggeris dengan baik sesuai dengan penglibatan mereka dengan masyarakat apabila mereka berkhidmat di sektor awam dan swasta kelak.

Selain dari pengajaran Bahasa Inggeris pelajar-pelajar juga digalakkan mengikuti kursus bahasa-bahasa asing seperti bahasa Mandarin, Hokkien, Kantonis, Arab, Jepun, Perancis, Jerman dan Tamil. Ada baiknya pelajar-pelajar diberi peluang mengikuti kursus bahasa asing yang sesuai dengan bidang kursus mereka ini kerana akan memberi peluang dan membantu mereka berhubung dengan pelanggan-pelanggan mereka apabila mereka berkhidmat kelak.

Walaupun Institut ini melaksanakan pertukaran bahasa pengantar dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia maka Institut ini sentiasa menjamin mutu kursus, dan pengiktirafan kursus demi untuk menjaga 'pemasaran' pemegang diploma Institut Teknologi Mara.

Dalam usaha untuk menjamin mutu kursus di Institut ini diadakan sistem pemeriksa luar yang terdiri pakar-pakar dari sektor swasta, universiti tempatan dan luar negeri. Dari kalangan mereka itu mungkin ada di antaranya yang kurang kemampuannya dalam Bahasa Malaysia. Satu strategi besar dilaksanakan seperti yang dibuat oleh Pusat-pusat Pengajian Tempatan lain ialah dengan menterjemahkan jawapan peperiksaan ke dalam Bahasa Inggeris.

Sebagaimana yang diketahui banyak kursus-kursus yang dijalankan di Institut mendapat pengiktirafan dari badan-badan profesional dalam negeri dan luar negeri. Dengan pertukaran bahasa pengantar itu setakat ini beberapa badan di United Kingdom telah menyatakan kesediaannya terus mengiktiraf diploma Institut ini. Sungguhpun begitu terdapat beberapa buah badan masih ingin mengawasi keadaan.

Dalam usaha melaksanakan penukaran polisi bahasa pengantar Institut tetap bergiat dalam usaha memperlakukan pengajaran Bahasa Inggeris untuk mempertahankan taraf Bahasa Inggeris. Dengan ini membolehkan pemegang diploma Institut ini mempunyai kecekapan dalam Bahasa Inggeris yang dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang di sektor swasta ataupun awam.

4. Fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka sememangnya ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah-masalah bahasa bagi keperluan bukan sahaja rakyat Malaysia umumnya dan tetapi juga untuk pihak pelajaran khususnya, lebih-lebih lagi bagi menampung keperluan dari segi bahasa dalam bidang pengajian tinggi. Dengan demikian dari awal-awal lagi Dewan Bahasa dan Pustaka telah menumpukan banyak daripada aktivitiya terhadap menyelesaikan permintaan dari segi bahasa. Ada dua bidang penting yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mencuba menyelesaikan keperluan peningkatan Bahasa Malaysia ini kepada tarafnya sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia dan juga memenuhi keperluan para pendidik di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Ini ialah, bidang peristilahan dan penerbitan buku-buku teks dan rujukan. Saya akan membincangkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam kedua-dua bidang ini berdasarkan kepada kejayaan-kejayaan yang telah dicapainya sebagai yang termaktub dalam laporan tahunannya bagi tahun 1982.

4.1 Peristilahan

Setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka sudah membentuk banyak Jawatankuasa Istilah bagi menerbitkan istilah-istilah yang diperlukan oleh bidang-bidang pengajian di Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. Dalam menjalankan tugas-tugas ini Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai satu Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia yang dibentuk khusus di atas arahan Menteri Pelajaran Malaysia dan ditugaskan khas untuk mencari penyelesaian terhadap masalah kebahasaan di negara ini. Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia ini dianggotai oleh ahli-ahli bahasa di tanah air dan juga anggota-anggota yang mewakili kelima-lima buah universiti dan juga Institut Teknologi Mara, serta pakar-pakar bagi bidang pengajian masing-masing untuk memberi nasihat yang selengkap-lengkapnya dalam menjalankan tugas yang diberikan

kepadanya. Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia ini mempunyai banyak jawatankuasa kerja bidang pengajian masing-masing, seperti: Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Antropologi, Sosiologi, Teknologi Makanan, Geografi, Kesusasteraan, Kimia, Fizik, Matematik, Biologi, Perubatan, Perubatan Masyarakat, Hidrologi, dan lain-lain lagi yang dibentuk dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan tertentu. Jawatankuasa ini terletak di bawah urusetia Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, iaitu salah satu dari jabatan yang terbesar dalam Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia ini bergabung dengan Panitia Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia untuk membentuk satu Majlis yang dikenali sebagai Majlis Bahasa Malaysia Indonesia yang ditugaskan khas menyelaraskan sebarang hasil dari aktiviti kebahasaan ini di antara dua negara. Majlis ini telah menggubal Pedoman Umum Ejaan Bersama Bahasa Malaysia-Indonesia dan telah pun dikuatkuasakan dalam negara ini. Pedoman kedua yang sudah pun digubal oleh Majlis tersebut ialah Pedoman Umum Pembentukan Istilah. Berdasarkan kepada pedoman umum inilah istilah-istilah yang sudah wujud diselaraskan dan istilah-istilah baru dicipta. Setakat ini Majlis Bahasa Malaysia Indonesia sudah pun menyelaraskan 43,000 istilah yang dipergunakan di dalam dua negara dalam bidang Sains Tulen, Gunaan dan juga Sastera. Usaha-usaha selanjutnya juga sedang dijalankan untuk meluaskan istilah tersebut. Pada peringkat ini aktiviti Majlis dijalankan dengan menggunakan bantuan komputer sebab bilangan istilah yang digarap melebihi kemampuan pengerjaan dengan tenaga manusia.

Perkara kedua yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Bahagian Binaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia melalui Majlis Bahasa Malaysia Indonesia ini, ialah mengadakan kamus istilah. Setakat ini pihak Majlis sudah pun menyelesaikan penggubalan kamus istilah "Hidrogeologi" dengan bantuan kewangan dari UNESCO. Kamus ini akan dijadikan panduan dalam membentuk kamus-kamus lain dalam semua bidang peristilahan. Untuk tujuan ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengenalpasti sebanyak 600 bidang istilah yang harus digarap.

Di bawah naungan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia ini bagi tugas-tugas peristilahan, Dewan Bahasa dan Pustaka sudah pun berhasil mengeluarkan sebanyak 54 buah buku istilah dalam kebanyakan bidang pengajian yang diajar di sekolah dan juga di universiti-universiti tempatan. 54 senarai istilah ini sudah dapat menghasilkan 250,000 buah istilah yang digarap dengan berpandukan kepada Pedoman Umum Pembentukan Istilah yang ditentukan oleh Majlis tadi. Untuk langkah-langkah masa depan Dewan Bahasa dan Pustaka bukan sahaja mengatur langkah untuk menyediakan kamus-kamus istilah tapi juga memperluaskan lagi senarai peristilahan yang diperlukan untuk pelaksanaan Bahasa Malaysia di peringkat pengajian tinggi. Di dalam rancangan yang sudah dijalankan Dewan Bahasa dan Pustaka

melalui Jawatankuasa Istilahnya, sebanyak 200,000 buah istilah lain diharapkan akan dapat diselesaikan pada akhir tahun ini. Tugas-tugas akan dijalankan serentak untuk menjimatkan waktu dan memenuhi permintaan dalam kadar yang seberapa segera.

Di dalam rancangan lebih jauh, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mencuba menyediakan istilah-istilah yang diperlukan. Adalah dijangka sebanyak 3,000,000 istilah lagi sedang diproses sebagai tambahan kepada segala hasil yang dijalankan sekarang. Dalam menjalankan tugas ini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa menggunakan khidmat dan jasa baik tenaga pengajar dari universiti-universiti tempatan. Ini dijalankan atas dua sebab:

Pertama, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai kepakaran bidang tertentu dan hanya sanggup untuk menjadi urusetia kepada segala aktiviti ini. Pendeknya tanpa bantuan dari tenaga pengajar dari bidang-bidang tertentu tugas ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kedua, penyertaan tenaga pengajar dari universiti-universiti tempatan ini akan memberi jaminan penerimaan. Istilah-istilah yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini adalah hasil dari khidmat mereka sendiri dan oleh yang demikian akan memudahkan lagi sikap penerimaan mereka tersebut. Adalah penting bahawa semua pensyarah dan pelajar di institusi pengajian tinggi menerima hasil istilah yang dikeluarkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka ini bagi tujuan penggunaan dan penyelarasan.

4.3 Buku Teks dan Rujukan

Penerbitan buku-buku teks dan rujukan adalah satu tugas Dewan Bahasa dan Pustaka yang terpenting. Setakat ini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sudahpun berjaya menyelesaikan dan memenuhi permintaan buku-buku teks bagi Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah dan Sekolah-Sekolah Pra-Universiti. Apa yang perlu digarap pada waktu ini ialah penghasilan buku-buku teks dan rujukan untuk Pusat Pengajian Tinggi. Ada dua langkah yang diatur oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menampung keperluan ini.

Pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan bantuan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi telah mengenalpasti buku-buku teks yang diperlukan untuk pengajian tinggi yang terdapat dalam Bahasa Inggeris. Buku-tuku ini akan diusahakan supaya dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia bagi keperluan institusi pengajian tinggi tersebut. Pihak pensyarah tersebut adalah ditugaskan menterjemahkannya.

Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan karya-karya asal untuk diterbitkan bagi keperluan pengajian tinggi. Dalam usaha menerbitkan karya-karya asal ini, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga bekerjasama dengan jabatan-jabatan dan fakulti tertentu bagi menerbitkan teks yang diperlukan.

Misalannya pada waktu ini Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia sedang bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan sebanyak 5 buah buku teks perubatan pada peringkat edisi awal. Edisi awal ini akan disunting dan disesuaikan setelah dipergunakan dan akan diterbitkan kembali dalam edisi yang lebih lengkap setelah mendapat umpan balik dari semua pihak yang menggunakan buku tersebut seperti pensyarah dan pelajar.

Setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka sudahpun menghasilkan 229 buah buku untuk pengajian tinggi. Buku ini adalah untuk semua bidang dalam pengajian tinggi. Pada waktu ini Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang mengusahakan sebanyak 84 buah buku karya asal dan terjemahan yang akan diterbitkan tidak berapa lama lagi. Bidang-bidang yang dapat diliputi oleh jumlah buku yang sudah diterbitkan dan sedang dalam proses penerbitan ini ialah untuk Matematik, Zoologi, Sosiologi, Kimia, Fizik, Hidrologi dan sebagainya. Sebenarnya ada lebih banyak buku yang sudah dikenalpasti, tapi masih belum dapat dimulakan usaha penulisan atau penterjemahannya.

Dalam menghasilkan buku-buku untuk pengajian tinggi ini, pihak kerajaan memandang berat, dan oleh itu sebuah Majlis Tindakan Negara telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri bagi mengawas penerbitan buku untuk institusi pengajian tinggi. Majlis ini telah dapat mengadakan persefahaman dalam cara bekerjasama di antara Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit swasta. Persefahaman ini akan membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka serta penerbit-penerbit swasta menjauhkan sebarang pertindihan di dalam usaha mereka supaya buku-buku yang sudah diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tidak akan dilakukan oleh penerbit swasta dan begitulah sebaliknya.

Dalam menerbitkan buku-buku untuk institusi pengajian tinggi ini memang diakui bahawa lebih mudah menerbitkan buku-buku di dalam bidang kesusasteraan dan pembacaan umum. Setakat ini bidang bahasa dan kesusasteraan telah menghasilkan sebanyak 337 buah tajuk dan semuanya adalah untuk pengajian tinggi. Ini termasuklah novel-novel, kritikan-kritikan sastera, antologi cerpen dan sajak dan kertas-kertas seminar mengenai bahasa dan kesusasteraan. Termasuk dalam bidang ini ialah 80 buah tajuk yang khusus mengenai Bahasa Malaysia.

Untuk pembacaan umum dan kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah menghasilkan lebih dari 400 buah buku bacaan.

Langkah-langkah yang dijalankan ini adalah khusus ditumpukan ke arah menampung permintaan peristilahan dan buku-buku untuk pengajian tinggi supaya dapat melicinkan pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di peringkat pengajian tinggi.

5. Masalah-Masalah Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi

Ada beberapa masalah besar yang dihadapi dalam melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Institusi Pengajian Tinggi. Secara kasar masalah ini dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu: (1) Kefasihan Bahasa, (2) Buku teks dan rujukan dan (3) Peristilahan.

5.1 Kefasihan Dalam Bahasa Malaysia

Apabila kita berbincang mengenai kefasihan dalam Bahasa Malaysia sebenarnya kita melibatkan dua pihak. Pada pihak pertama ialah golongan pelajar. Para pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi pada hari ini adalah pelajar-pelajar yang sudah mengikuti kursus pengajian mereka semasa di Sekolah Rendah dan Menengah dalam Bahasa Malaysia seperti yang dijelaskan dalam bahagian ke 3 di atas. Mereka ini dapatlah dianggapkan pelajar-pelajar yang cukup mampu dalam menerima ilmu pengajian mereka dalam Bahasa Malaysia. Walaupun sebelum ketika ini, keadaan kefasihan pelajar dalam Bahasa Malaysia adalah berlainan dan kurang memuaskan. Pelajar-pelajar yang sampai ke universiti pada masa itu, lebih memahami bahasa Inggeris dari Bahasa Malaysia. Pada ketika ini, apabila sistem pengajaran di Sekolah Rendah dan Menengah sudah dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia, pelajar-pelajar yang sampai ke universiti adalah dari satu aliran iaitu Bahasa Malaysia. Secara umumnya kita tidaklah lagi dapat mempertikaikan peringkat kemampuan mereka menerima ilmu pengetahuan dalam Bahasa Malaysia. Walaupun demikian mungkin masih ada kelompok-kelompok pelajar tertentu yang masih menghadapi masalah.

Pada pihak yang lain pula kita melibatkan tenaga pengajar. Golongan tenaga pengajar ini tidaklah sama tarafnya dengan para pelajar. Tenaga pengajar ini pada umumnya dapatlah dikatakan tidak semuanya mempunyai kemampuan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia sebagaimana para pelajar. Sebilangan ramai tenaga pengajar, sepertimana yang dinyatakan dalam kertas-kertas kerja dalam seminar mengenai Status Dasar dan Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, yang dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Jun 1980, masih ramai yang belum begitu mahir. Ramai dari tenaga pengajar itu tidak menuturkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kandung. Mereka ini adalah pihak yang dianggap menghadapi masalah dalam menyampaikan kuliah-kuliah mereka kepada para pelajar dalam Bahasa Malaysia. Di samping itu ada masalah lain yang berhubung dengan golongan ini. Mereka mungkin merupakan orang-orang yang giat mempelajari Bahasa Malaysia pada satu waktu dulu, dan sudahpun mencapai peringkat kemahiran minimum untuk menjalankan kuliah mereka dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun sejak tarikh itu, mereka mungkin tidak dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia mereka ke taraf yang lebih tinggi. Ini menyebabkan mereka masih menggunakan

Bahasa Malaysia yang kurang baik dan seterusnya menyebabkan penyampaian kuliah mereka kurang berkesan. Hal seperti ini memang ada buktinya walaupun tidak dapat diukur dengan nyata.

Dalam satu tinjauan yang dilakukan para pelajar di Universiti Sains Malaysia pada hujung tahun 1982 terdapat keputusan-keputusan yang harus diberi perhatian serius mengenai penyampaian kuliah dalam Bahasa Malaysia, oleh golongan tersebut. Daripada pelajar-pelajar yang menyambut usaha tinjauan tersebut terdapat satu maklumat yang mengatakan bahawa kursus-kursus Pengajian Kemanusiaan secara hakikatnya disampaikan dalam Bahasa Malaysia, tetapi masih terdapat kira-kira 25% rasa tidak puas hati. Ini adalah disebabkan kerana mereka gagal memahami kuliah-kuliah golongan pensyarah tersebut. Memang banyak faktor yang boleh dipertikaikan seperti kesasihan tinjauan tersebut atau perkara-perkara praktik yang lain. Apa yang jelas ialah ada kuliah yang tidak difahami sepenuhnya oleh para pelajar kerana pemakaian bahasa yang masih kurang sempurna.

Apabila para pelajar gagal menerima kuliah mereka di dalam Bahasa Malaysia ini bukanlah semestinya bermakna bahawa bahasa pensyarah itu tidak baik ataupun kemahiran pelajar tidak sempurna. Satu perkara yang harus juga kita terima, ialah bahawa pelajaran yang disampaikan pada peringkat universiti ini ialah satu pengajian tinggi yang dengan sendirinya merupakan suatu perkara yang sukar difahami dari segi kandungan ilmu tersebut. Jadi kegagalan kefahaman belum sebenarnya bersabit dari bahasa, mungkin kerana ilmunya sukar diserap walau dalam bahasa apa sekalipun.

5.2 Penerbitan Buku-buku Teks dan Rujukan

Salah satu daripada perkara yang dibincangkan dalam bahagian ke 4 di atas adalah usaha-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memperbanyakkan buku-buku teks dan rujukan. Ini adalah satu masalah besar yang sememangnya tidak akan dapat diselesaikan dalam jangka waktu pendek. Secara umum, sekiranya digabungkan kelima-lima buah universiti dan dimasukkan Institut Teknologi Mara ke dalam pertimbangan kita, sekali gus kita dapat melihat ada lebih kurang 5 atau 6,000 tajuk kursus yang diajarkan. Dalam sebegitu banyak jumlah kursus yang diajarkan ini ternyata bahawa bilangan buku-buku teks yang berjumlah 300 buah yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tersebut, tidak akan mencukupi. Langkah-langkah seterusnya untuk memperbanyakkan buku-buku teks tersebut juga ternyata tidak akan dapat mengatasi masalah ini dalam jangka waktu yang kita harapkan. Ada beberapa masalah besar yang menghalang usaha ini dari mencapai kejayaan. Masalah-masalah ini merangkumi masalah seperti kemahiran Bahasa Malaysia, pengetahuan pakar dalam bidang-bidang tertentu dan juga faktor-faktor ekonomi. Masalah ini akan bertambah rumit lagi apabila kita memandang kepada hakikat bahawa penulisan buku teks saja masih menghadapi masalah besar, maka kita tidaklah dapat mengharap penulisan buku-

buku-buku rujukan dengan lancar. Di antara masalah-masalah yang menghalang penghasilan buku-buku teks ini dapatlah saya katakan bahawa kefasihan atau kemahiran di dalam Bahasa Malaysia tersebut masih merupakan faktor yang besar. Kita selalu menganggap bahawa semua pensyarah yang boleh bertutur di dalam Bahasa Malaysia akan dapat menulis buku teks yang diperlukan tersebut. Walaupun ini ada benarnya tetapi pada hakikatnya tidak berlaku. Bukan semua pensyarah, walaupun yang menuturkan Bahasa Malaysia dengan baik, dapat menulis dengan baik. Buku-buku teks tersebut hendaklah dikarang dan kemahiran mengarang sebuah buku itu bukanlah merupakan satu perkara yang ada pada semua pensyarah. Oleh yang demikian tujuan menghasilkan karya-karya asal tersebut masih menghadapi masalah yang rumit. Kita juga sering menganggap bahawa orang yang mahir di dalam Bahasa Malaysia tersebut akan dapat menulis buku-buku yang diperlukan. Apa yang lebih penting di sini ialah bukan saja orang yang mempunyai kemahiran di dalam Bahasa Malaysia tersebut harus mempunyai bakat untuk menulis buku-buku teks tetapi ia juga mesti mempunyai pengetahuan pakar dalam bidang yang hendak dikarang tersebut. Kurangnya ahli-ahli yang pakar dalam sesuatu bidang pengajian itu akan mengurangkan lagi kemungkinan-kemungkinan menghasilkan penulisan karya asal untuk bidang tersebut.

Di dalam bidang peristilahan terlalu banyak masalah yang dihadapi. Istilah-istilah yang diperlukan harus dicipta, kerana seseorang yang ingin mengarang sebuah buku di dalam Bahasa Malaysia tersebut, sering memerlukan istilah-istilah khusus. Bagi sesuatu bidang ilmu yang baru, maka pengarangnya akan menghadapi masalah yang besar dalam mencari istilah-istilah yang diperlukannya. Selalunya oleh sebab bidang kursus tersebut terlalu khusus, maka dia terpaksa mengendalikannya bersendirian. Memang menjadi sifat kursus-kursus pengajian tinggi ini hanya mempunyai satu atau dua orang pakar sahaja dalam bidang tersebut. Sebagai contoh, ada satu bidang di dalam Pusat Pengajian Farmasi di Universiti Sains Malaysia, yang pensyarahnya mengalami kesukaran untuk mengarang buku teks tersebut. Di seluruh negara ini hanya ada seorang sahaja lagi ahli dalam bidang tersebut, di luar universiti ini. Masalah yang dihadapi oleh pensyarah tersebut, oleh kerana tidak mempunyai rakan untuk berbincang, adalah merupakan satu masalah yang besar. Ini menyusahkan lagi proses penerbitan buku-buku tersebut.

Dari segi ekonomi, penghasilan buku-buku teks dan rujukan pada peringkat pengajian tinggi itu bukan sahaja merupakan satu langkah yang kurang praktik dari segi pengendaliannya, tetapi juga dari segi kewangannya. Oleh sebab pelajar-pelajar di Pusat Pengajian Tinggi perlu mengkhusus dan selalunya bilangan pelajar di dalam sesuatu bidang tersebut menjadi kecil. Keadaan ini menyebabkan sebarang penghasilan buku-buku yang ditujukan kepada mereka akan terpaksa dihasilkan dengan kos yang begitu tinggi tidak menjamin sebarang keuntungan. Malahan ada di antara buku-buku yang pernah dikeluarkan di Universiti Sains Malaysia hanya dapat dijual . . .

8 naskah satu tahun. Ini adalah satu keadaan yang sangat-sangat menyusahkan di dalam usaha penerbitan buku. Malah penerbit-penerbit swasta tidak langsung akan memperdulikan penerbitan buku-buku yang tidak memberi keuntungan langsung.

5.3 Peristilahan

Usaha peristilahan ini dijalankan serentak di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga di Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka hanya mampu mengendalikan urusetia berkenaan istilah tersebut dan juga menjadi tempat perujuk bagi segala masalah peristilahan. Setiap universiti yang mempunyai bidang pengajian masing-masing, perlulah mencipta istilah-istilah yang diperlukan, lebih-lebih lagi bagi bidang-bidang yang khusus diajarkan hanya di universiti tersebut. Dalam menjalankan usaha-usaha peristilahan ini, segala langkah mencipta istilah selalunya menghadapi masalah dari segi kepakaran bahasa dan juga kepakaran bidang. Sekiranya ada orang yang mampu dari segi bahasa Malaysia, selalunya dia tidaklah pula dapat menguasai semua bidang pengajian. Sekiranya ada juga pakar-pakar bidang yang tertentu, selalunya mereka pula tidak mempunyai kepakaran di dalam Bahasa Malaysia. Keadaan seperti ini menyusahkan usaha penciptaan istilah. Secara unggulnya, kedua-dua kemahiran ini, bahasa dan kepakaran bidang hendaklah ada pada seseorang tenaga pengajar untuk membolehkannya mencipta istilah dengan berkesan.

Bilangan istilah yang selalunya perlu dicipta adalah begitu banyak menyebabkan seseorang pensyarah tersebut mengalami masalah. Walaupun akhir-akhir ini usaha-usaha menggunakan komputer untuk tujuan ini telah mula dilakukan dengan hasil yang agak menggalakkan.

Salah satu daripada masalah yang selalu menyusahkan di bidang berkenaan dan penggunaan istilah ialah adanya pertindihan antara satu bidang dengan yang lain. Sesuatu istilah yang dikongsi oleh dua atau tiga bidang yang berlainan, kerap kali pula mencipta istilah yang berlainan, walaupun sumbernya sama. Ini menambah lagi kekeliruan di dalam penggunaan peristilahan tersebut.

Istilah-istilah yang dicipta tersebut amatlah bergantung kepada para pengguna Bahasa Malaysia hari ini, sebagai pendukung konsep dan ungkapan-ungkapan ilmiah. Pendek kata penerimaan daripada pengguna-pengguna bahasa tersebut amatlah diperlukan. Dalam keadaan sekarang, sudah terdapat perbalahan pendapat di antara bijak pandai sendiri di dalam memilih istilah yang diperlukan. Ini juga menjadi penghalang yang besar dalam pelaksanaan Bahasa Malaysia yang standard. Para pengguna bahasa hendaklah bersetuju menerima bahasa tersebut untuk membolehkannya dilaksanakan dengan berkesan.

5.4 Terjemahan

Proses penterjemahan ini sentiasa berlaku dalam pengajaran sehari-hari di institusi pengajian tinggi. Walaupun ada di antara kita yang terlatih dalam universiti yang menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar, tetapi ramai di antara kita telah dilatih di luar negeri, yang menuturkan Bahasa Inggeris atau bahasa lain. Apa yang berlaku di sini ialah kita memerlukan orang yang cukup mahir bukan sahaja dalam bahasa asing, tetapi lebih penting lagi dalam Bahasa Malaysia. Penguasaan yang baik dalam Bahasa Malaysia itu akan memberinya kemampuan mengungkapkan semula ilmunya dalam bahasa tersebut dengan baik, dan tepat. Penguasaan Bahasa Malaysia yang kurang sempurna akan mengakibatkan ada pengungkapan yang tidak kemas dan teratur. Bahasa yang tidak tepat, tidak kemas dan tidak teratur itu eloklah jangan diajukan.

6. Kesimpulan

Malaysia telah membiarkan jangka waktu selama selebih sepuluh tahun sebelum membuat pernyataan yang tegas dalam membentuk dasar bahasanya dalam sistem pelajaran negara. Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1961, yang bersifat liberal terhadap bahasa pengantar "dengan tidak melihat apa salahnya dalam membiarkan keadaan yang wujud pada waktu itu diteruskan," menjadi lebih tegas lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat, meneruskan untuk menjayakan pelaksanaan "Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dalam tahun lapan puluhan". Jangka waktu limabelas tahun itu membolehkan pemimpin melihat kemampuannya yang sebenar dan memperakukan dasar yang diputuskan lebih wajar.

Perlaksanaan Bahasa Malaysia secara berangsur-angsur dari 1971, itu juga telah membolehkan kita melihat segala masalah yang timbul dan mengatasinya dengan lebih sistematis. Tentu sekali kita akan menghadapi masalah yang lebih besar sekiranya pelaksanaan tersebut dilakukan dengan mendadak. Mengatur langkah-langkah pelaksanaan ini secara berangsur-angsur telah memberi kita peluang untuk bertindak mengatasi segala masalah yang timbul di sepanjang proses tersebut. Buku teks, istilah dan kefasihan tenaga pengajar hanya dapat dicapai melalui jangka waktu yang berpatutan.

Walaupun pengajaran telah dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia, ini bukan bermakna segala-galanya telah berhasil dan berjaya. Kita dapati buku teks dan rujukan, istilah dan kewangan masih merupakan masalah yang perlu diatasi.

Dalam masalah buku teks dan rujukan ini kita harus memahami bahawa masalah ini tidak akan dapat diselesaikan dengan serta merta. Malah, kita harus menyedari bahawa masalah ini harus tidak akan dapat diselesaikan langsung. Kalau pun dapat masalah ini diatasi, mungkin kita harus memikirkan betul-betul apakah dasar demikian itu baik? Jawabannya, mungkin tidak, sebab kalau kita hanya mengetahui Bahasa Kebangsaan kita, maka kita akan terasing dari dunia luar. Kita juga akan terhalang dari mendapat ilmu pengetahuan dari buku-buku dan jurnal dalam bahasa lain. Pendeknya kita perlulah melengkapkan diri kita dengan bahasa lain di samping bahasa kebangsaan kita.

Apa yang nyata sekarang ialah, kita telah berjaya melaksanakan dasar bahasa kebangsaan kita dengan berkesan. Walau bagaimanapun tugas ini belum selesai. Masih ada tugas-tugas lain yang perlu kita selesaikan untuk menambah kejayaan kita. Sekarang, kita tidaklah lagi terpaksa memaksa anak-anak kita mempelajari bahasa asing untuk bersekolah.